

**Isi pada halaman 31**



























































## BAB I

### SEJARAH PERKEMBANGAN MUHAMMADIYAH DI INDONESIA

#### 1.1. Sejarah Penubuhan Muhammadiyah

##### 1.1.1. Latar Belakang Lahirnya Muhammadiyah Di Indonesia

Bangsa Indonesia pada akhir abad ke-19 adalah berada di bawah penjajahan kolonial Belanda. Negeri ini merupakan sebuah komuniti yang sedikit tertinggal dalam pelbagai aspek kehidupan. Samaada dari aspek ekonomi atau pula dari aspek pendidikan. Budaya bangsa dan peradaban mulai bergerak perlana daripada arah kemajuan sehingga pendidikan dan perdagangan tidak dapat dirasakan oleh masyarakat secara menyeluruh. Belanda dan umat Islam Indonesia sama-sama memiliki kepentingan yang berbeza. Pemerintah Belanda berusaha untuk memperkuat kekuasaannya di manapun ianya berada walaupun mesti dengan memahami adat penduduk tempatan. Manakala umat Islam juga berusaha sekuat tenaga untuk melepaskan diri daripada jajahan Belanda.

Dari sudut ekonomi, diterapkan sistem ekonomi liberal yang memberi keuntungan besar bagi pemerintah kolonial Belanda. Sementara masyarakat Indonesia yang majoriti penduduk muslim tidak banyak dilibatkan dalam sistem perekonomian berkenaan. Dan dari sudut pendidikan juga didominasi oleh kalangan Eropah. Hal ini menjadi punca kepada tertinggalnya masyarakat muslim Indonesia dari kemajuan pendidikan yang berefek kepada kurang keupayaan mereka dalam menghadapi sistem pendidikan yang semakin modern.

Dalam keadaan negeri yang semisal ini, ternyata masih ada di antara penduduk peribumi yang berasal dari segolongan masyarakat yang memiliki tingkat kemampuan

ekonomi yang sejahtera, sehingga mampu untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lainnya daripada Bangsa Arab, Eropah dan Cina. Antaranya KH. Ahmad Dahlan. Ia hanya berawal dari seorang penjual kain batik dan *khatib amīn* di Masjid Agung kesultanan Ngayogyakarta. Keadaan semisal ini yang membuka peluang besar baginya untuk sentiasa berkembang dan melihat lebih jauh tentang cara untuk membangkitkan dan memajukan tanah air bagi menuju kepada arah pembaharuan pemikiran, khasnya dalam aspek agama dan amnya dalam aspek-aspek kehidupan yang lain.

Di tengah kosmopolitanisme pergaulannya melalui perniagaan, Ibadah haji, Studi di Makkah, dan bacaan-bacaannya, ia berpikir besar tentang perubahan sosial demi memajukan umat Islam yang sedang mengalami keterbelakangan, kebodohan, dan kemiskinan secara sistematis. Pikiran besarnya itulah yang kemudian mendorongnya untuk melahirkan Muhammadiyah pada 18 November 1912 yang mencuba melakukan pencerahan di tengah kemuraman nasib bangsa ini, sekaligus juga untuk mengembalikan sejarah umat Islam pada kejayaannya.<sup>1</sup>

Ada banyak hal yang mempengaruhi ditubuhkan Muhammadiyah. Selain daripada keinginan mereka untuk bangkit, juga didapati beberapa unsur lain. Sepertimana dinyatakan oleh HAMKA<sup>2</sup>; tiga faktor utama yang mendorong penubuhan perserikatan Muhammadiyah; *pertama*, ialah kemunduran serta kejahilan umat Islam dari aspek kehidupan, *kedua*, faktor kemiskinan yang melanda umat Islam di Indonesia, *ketiga*, keadaan pendidikan Islam yang agak tertinggal sepetimana boleh dilihat melalui pendidikan Pondok.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Tim Penyusun, *Profil 1 Abad Muhammadiyah* (Yogyakarta, PP Muhammadiyah, 2010), 3.

<sup>2</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah.

<sup>3</sup> Ahmad Syafi'i Maarif, *Islam Dan Masalah Kenegaraan* (Jakarta, Lembaga Penelitian Pendidikan Penerangan Ekonomi dan Sosial, 1987), 66.

Muhammadiyah mencuba mendirikan sekolah-sekolah bagi memberi pendidikan kepada masyarakat. Salah satunya dengan menaiktarafkan sistem pendidikan umat Islam Indonesia. Sehingga kanak-kanak muslim boleh mendapatkan pendidikan sepetimana layaknya generasi lainnya. Hasil dari pemikiran yang diterapkan oleh Muhammadiyah ini nampak pada munculnya generasi-generasi muda yang mulai mengisi posisi-posisi penting semisal guru, dokter dan kaki tangan kerajaan pada masa itu. Sehingga pada akhirnya mereka dapat keluar daripada kemiskinan dan kebodohan.

Dari pelbagai kegiatan yang dilakukan, nampaknya sentiasa beriringan dengan “cita-cita perjuangan Muhammadiyah yang diletakkan oleh KH. Ahmad Dahlan pada tahun 1912, iaitu:<sup>4</sup>”

1. Membersihkan Islam di Indonesia dari pengaruh-pengaruh dan kebiasaan-kebiasaan yang bukan Islam.
2. Merumuskan kembali doktrin Islam dengan pandangan alam pikiran modern.
3. Reformasi ajaran-ajaran dan pendidikan Islam.
4. Mempertahankan Islam dari pengaruh dan serangan-serangan dari luar.
5. Melepaskan Indonesia dari belenggu penjajahan.

Dalam anggaran dasar pertamanya, dijelaskan bahawa tujuan ditubuhkannya Muhammadiyah ialah untuk menyebarkan ajaran Nabi Muhammad SAW. kepada penduduk bumi putera kerisidenan Yogyakarta serta untuk memajukan agama Islam kepada ahli-ahlinya. Tujuan ini kemudian pada tahun 1959, lebih disempurnakan, iaitu untuk menegakkan dan menjunjung tinggi agama Islam sehingga terwujud masyarakat Islam yang sebenar.<sup>5</sup>

Patut untuk dikenali bahawa Muhammadiyah bukanlah sebuah ideologi pemikiran atau bukan pula sebuah mazhab sepetimana halnya mazhab-mazhab yang dipelopori oleh

---

<sup>4</sup> H. A. Mukti Ali, *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam* (Bandung, Indonesia, Penerbit Mizan, 1981), 143.

<sup>5</sup> Drs. Shalahuddin Hamid, MA – Drs. Iskandar Ahza, MA, *Seratus Tokoh Islam Paling Berpengaruh Di Indonesia* (Jakarta, PT Intimedia Cipta Nusantara, 2003), 27.

ulama-ulama silam. Muhammadiyah merupakan sebuah pertubuhan (*organization*) yang bersifat sosial keagamaan yang tumbuh dan berkembang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh umat. Muhammadiyah mengeluarkan fatwa tentang hukum-hukum Islam, akan tetapi fatwa berkenaan tidaklah mengikat masyarakat sehingga mesti beramal bersetujuan dengannya. Melainkan ianya merupakan sumbangan pemikiran yang dihasilkan melalui *ijtihād jamā'iy* daripada ulama-ulama Muhammadiyah. Kerana Muhammadiyah bukanlah lembaga rasmi kerajaan yang sentiasa mengeluarkan statemen yang semestinya diikuti dan diamalkan oleh masyarakat.

### **1.1.2. Muhammadiyah dan Perkembangan Islam di Timur tengah**

Tidak dinafikan bahawa KH. Ahmad Dahlan ialah seorang yang pernah menimba ilmu pengetahuan agama di Arab Saudi. Sedikit banyaknya pemikiran yang dimiliki oleh KH. Ahmad Dahlan tentu dipengaruhi oleh pemikiran Salafi yang berbasis di Arab Saudi pada abad ke-18 yang diasaskan oleh Muhammad bin ‘Abd al-Wahhāb (1703-1787). Salafi merupakan gerakan Islam pertama dalam periode modern yang mengusahakan untuk pemurnian iaitu kembali kepada Islam Murni. Mereka ingin menghentikan kemunduran dengan mengajak masyarakat Islam kembali kepada kemurnian.<sup>6</sup>

Konsep pemurnian agama yang dilakukan oleh KH. Ahmad Dahlan iaitu menjauhkan umat dari segala unsur syirik dan segala amalan *bid’ah* yang sudah berakar umbi pada umat Islam. Itu adalah sebuah pemahaman mutlak yang dijalankan oleh Salafi. Pembaharuan yang dilakukan oleh Salafi mengambil sumber inspirasinya bukan hanya dari *al-Qur'an* sahaja, melainkan juga dari *al-Sunnah*. Sepertimana pemikiran yang

---

<sup>6</sup> H. A. Mukti Ali, *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam*, 244.

menyatakan: Islam bagi orang muslim bukan merupakan idea yang abstrak, tetapi idea yang boleh diterapkan secara praktis. Mereka menyatakan bahawa kebenaran ialah tidak mesti bersesuai dengan perjalanan sejarah, akan tetapi pelaksanaan yang ideal.

Meskipun demikian konsep untuk menubuhkan Muhammadiyah oleh KH. Ahmad Dahlan tidaklah semata-mata hanya dipengaruhi oleh konsep Salafi, melainkan ia merupakan salah satu pemikiran yang menyebabkan idea ini muncul. Banyak hal lain yang merupakan faktor penggerak untuk ditubuhkan Muhammadiyah ini. Antaranya ialah keinginan untuk membebaskan umat Islam dari tekanan penjajah Belanda, keinginan untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam Indonesia yang sudah jauh tertinggal samaada dari sudut agama, pendidikan, ekonomi dan juga masalah-masalah sosial lainnya.

Muhammadiyah juga terinspirasi dari munculnya tokoh-tokoh pembaharuan Islam di Timur tengah. Ulama-ulama ini telah banyak mempengaruhi pemikiran KH. Ahmad Dahlan pada khasnya dan Muhammadiyah pada amnya untuk bangkit dan melakukan sebarang pembaharuan pemikiran. Samaada ianya dari sudut pemikiran kemajuan umat atau dari sudut kemajuan Islam itu sendiri. Ulama-ulama ini telah menjalankan tugas mulia demi untuk memberikan pencerahan bagi sekalian umat dengan hanya satu matlamat iaitu mengharap reda Allah SWT. Antara ulama-ulama pembaharuan terbabit ialah:

- Ibn Taimiyah (661-728 H<sup>7</sup>/1263-1328 M<sup>8</sup>), Ustaz Muhammad al-Mubārak<sup>9</sup> menyebutkan ;<sup>10</sup>

<sup>7</sup> Shaikh al-Islām Ibn Taimiyah, *Fatāwa Ibn Taimiyah: Fatwa-fatwa Ibnu Taimiyah*, terj. Izzudin Karimi, Lc (Jakarta, Pustaka Sahifa, 2008), 18.

<sup>8</sup> Muzlifah, “*Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia*” (Disertasi, Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 45.

<sup>9</sup> Ketua Jabatan Aqidah dan Agama-agama, Pengajian Sharī’ah, Universiti Damshiq, dan Ahli Majma’ al-‘ilm al-Ārabiyy Damshiq.

<sup>10</sup> Ibn Taimiyah ialah seorang yang memiliki kelebihan yang tinggi, dalam ilmunya, luas wawasan, kuat pendirian, berpindah dari *taqlīd* mazhab yang berkembang pada masa itu kepada kepada *istidlāl*, *istinbāt*, *tarjīh* dan *ijtihād*. Dia memahami dalil-dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, pendapat sahabat, *tābi'i*'in, serta imam-

- Ibn al-Qayyim (691-751 H<sup>11</sup>/1292-1350 M<sup>12</sup>).
- Jamāl al-dīn al-Afghāniy (1839-1897).<sup>13</sup>
- Muhammad Abduh (1849-1905<sup>14</sup>).
- Rashīd Riḍā' (1865-1935).<sup>15</sup>

Namun pada realitinya, nampak ada perbezaan besar dalam perkembangan Muhammadiyah dan Salafi iaitu: Dalam hal dakwah khasnya, mereka bergandeng tangan dengan pihak kerajaan/penguasa untuk menghancurkan tempat-tempat yang digunakan bagi melakukan amalan syirik secara frontal. Manakala Muhammadiyah dalam beramar makruf

imam mazhab dan juga dia menghargai mereka sekalian. Lihat Shaikh al-Islām Ibn Taimiyah , *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fiy Islāh al-rā'i wa al-Ra'iyyah* (Beirut, Lubnan, Dār al-Kutub al-'Arabiyyah, 1966), th.

<sup>11</sup> Namanya ialah Muhammad bin Abiy Bakr bin Ayyub al-Dimashqiy al-Hanbaliy. Dia masyhur dengan nama Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. Ayahnya menubuhkan *Madrasah al-Jauziyyah* di Damaskus, sehingga selanjutnya keluarga dan keturunannya masyhur dengan sebutan berkenaan. Dari Ibn Taimiyah, Ibn al-Qayyim menerima ilmu, menggantikan sang guru mengajar sehingga dia mendapatkan tambahan ilmu yang luar biasa banyaknya. Lihat Shaikh Ahmad Farid, *60 Biografi Ulama Salaf* (Jakarta, Pustaka Al-Kautsar, 2007) 822.

<sup>12</sup> Muzlifah, "Perserikatan Muhammadiyah," 45.

<sup>13</sup> Pada diri pribadi al-Afghāni ada dua sisi pembaharuan yang dilaksanakan sekali beriringan dan dengan penuh vitalitas, iaitu: pembinaan semula Islam dari sudut dalaman dan juga pertahanan islam dari pada serangan luar. Dalam pribadinya terkumpul kemahiran tentang Islam tradisional dan kefahaman tentang pemikiran-pemikiran Eropa modern. Ia mencadangkan nasionalism lokal dan Pan Islamism secara bersamaan. Perjuangannya mencakup wilayah Iran, India, Arab, Turki dan Eropa barat. Lihat Prof. Dr. H. A. Mukti Ali, *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam*, 248.

<sup>14</sup> Kehidupannya penuh pengorbanan dan kerja keras. Selama hidupnya ia aktif menulis buku-buku, artikel-artikel, dan makalah-makalah ilmiah lainnya. Hanya ini warisan berharga yang telah ditinggalkannya untuk kita, sebagai dasar pijakan untuk menjawab tuntutan zaman dan pelbagai persoalannya. Muhammad Abduh dengan pemikirannya berusaha untuk memperbaharui pemikiran-pemikiran yang telah ada, yang terdahulu. Kesalahan-kesalahan tidak terletak pada pemikiran-pemikiran yang telah ada, tetapi terletak di dalam sudut pandang pemahaman yang dilakukan terhadap pemikiran-pemikiran berkenaan, tidak terlepas dari pemahaman yang *jumūd*, *taqlīd*, dan tidak berkembang sesuai dengan tuntutan zaman. Pelbagai hal dilakukan oleh Muhammad Abduh untuk memerangi hal tersebut, antara lain dengan cara melawan keras opini ke-*jumūd*-an dan stagnasi masyarakat melalui pendekatan-pendekatan sastra, pembahasan-pembahasan linguistic, agar masyarakat memahami dan mengerti kalimat dan makna yang tersirat dari sebuah pemikiran. Lihat Shaikh Muhammad Abduh, *Islam, Ilmu Pengetahuan dan Masyarakat Madani* (Jakarta, PT Raja Grafindo persada, 2005), V.

<sup>15</sup> Nama asalnya ialah Rashīd 'Aliy Riḍā'. Rashīd Riḍā' merupakan salah seorang ulama bidang tafsir, hadith, sejarah dan sastera. Beliau pernah berguru kepada Muhammad Abduh. Ia juga yang menerbitkan majalah *al-Manār*, yang memuat tentang idea-idea pembaharuan dalam bidang agama dan kemasyarakatan. Rashīd Riḍā' mendirikan sekolah *al-Da'wah wa al-Irshād* untuk membekali para *dā'i* dengan pelbagai keahlian. Pelajar tamatan berkenaan semisal Sayyid Amīn al-Husaini yang menjadi mufti Palestina, Shaikh Muhammad 'Abd al-Zāhir al-Samhī yang menjadi Imam Masjid al-Haram yang mendirikan *Dār al-Hadīth* dan lain-lainnya. Lihat Shaikh Muhammad Sa'īd Mursiy, *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah* (Jakarta, Pustaka Al-Kautsar, 2008), 302.

dan nahi munkar lebih mendahuluikan prinsip *tausiyah*, menyampaikan nasehat kebenaran.<sup>16</sup>

### **1.1.3. Pengasas dan Pimpinan Muhammadiyah Di Indonesia**

Berawal dari sebuah perenungan yang kemudian menjadi pemikiran besar. Sehingga secara rasmi KH. Ahmad Dahlan menubuhkan Muhammadiyah pada 18 November 1912M/8 Dzulhijjah 1330H.

Kehadiran Muhammadiyah di tengah pergerakan bangsa sudah cukup terbukti telah dapat membuka pintu gerbang kemajuan khazanah keislaman dan juga telah nampak mempunyai pengaruh besar dalam memajukan pemikiran bangsa Indonesia. Dengan fokusnya kepada dakwah secara rutin, sehingga dapat memberi kekuatan kepada masyarakat, menghilangkan kebodohan dan kemiskinan.

Perjalannya yang cukup panjang, Muhammadiyah sudah banyak bertungkuslumus hingga menghasilkan pemimpin, tokoh serta pemikir yang nampak nyata bahawa Muhammadiyah hadir bukan hanya sekedar dikenali oleh sejarah, melainkan ianya hadir untuk membuat sejarah dan memberi jawapan terhadap isu-isu baru yang timbul di tengah perjalanan bangsa Indonesia.

---

<sup>16</sup> Yunahar Ilyas, Muhammadiyah, “Beda dengan Wahabi,” laman sesawang Muhammadiyah. Or.id, dicapai 12 September 2012, <http://www.muhammadiyah.or.id/id/news-738-detail-yunahar-ilyas-muhammadiyah-beda-dengan-wahabi.html>.

## **Antara Pengasas dan Pimpinan Muhammadiyah ialah:<sup>17</sup>**

Muhammadiyah dari sejak ditubuhkan sampai pada masa sekarang ini sudah banyak melahirkan tokoh-tokoh yang memiliki pemahaman agama yang tinggi dan juga memiliki sikap terbuka dalam menerima konsep-konsep pembaharuan. Utamanya pembaharuan dalam pemikiran Islam yang semestinya dapat menjawab pelbagai permasalahan yang timbul di kalangan umat. Antara tokoh-tokoh terbabit ialah; KH. Ahmad Dahlan, KH. Ibrahim, KH. Hisyam, KH. Mas Mansur, Ki Bagus Hadikusumo, Buya H. Ahmad Rasyid Sutan Mansur, KH. Muhammad Yunus Anis, KH. Ahmad Badawi, KH. Faqih Usman, KH. Abdur Rozak Fachruddin, KH. Ahmad Azhar Basyir, M.A, Prof. Dr. H. Muhammad Amien Rais, M.A, Prof. Dr. H. Ahmad Syaffi'i Maarif, Prof. Dr. H. Muhammad Sirajuddin Syamsuddin, M.A. Berikut ini ialah data-data yang lebih detail tentang pengasas terbabit;

### **1. KH. Ahmad Dahlan<sup>18</sup>**

Muhammad Darwisy dilahirkan di Kauman pada (1868 dan meninggal 23 Februari 1923), dari kedua orang tua yang dikenal sangat alim, iaitu KH. Abu Bakar dan Nyai Abu Bakar (puteri H. Ibrahim).

Muhammad Darwisy mendapat pendidikan di lingkungan pondok sejak kecil, yang menjadi tempat ia belajar pengetahuan Agama dan Bahasa Arab. Ia melaksanakan Ibadah Haji dalam usia 15 tahun (1883), dan dilanjutkan dengan mengaji ilmu Agama dan Bahasa Arab di Makkah selama 5 tahun. Di sinilah ia berinteraksi dengan pemikiran-pemikiran pembaharuan dalam dunia Islam, seumpama Ibn Taimiyah, Muhammad ‘Abduh, Jamāl al-dīn al-Afghāniy dan Rashīd Ridā. Ia juga tertarik kepada tafsir *al-Manār*, yang memuat pemikiran-pemikiran Muhammad

---

<sup>17</sup> Tim Penyusun, *Profil 1 Abad Muhammadiyah*, 12.

<sup>18</sup> Drs. Shalahuddin Hamid, MA – Drs. Iskandar Ahza, MA, *Seratus Tokoh Islam*, 21.

'Abduh. Kitab tafsir ini banyak memberikan inspirasi dan motivasi untuk pemberian dan pembaharuan umat Islam Indonesia.<sup>19</sup> Buah pemikiran tokoh-tokoh Islam ini memiliki pengaruh besar pada Darwisy. Jiwa dan pemikirannya yang penuh dengan semangat pembaharuan ini yang kemudian hari menampilkan corak keagamaan yang sama. Iaitu yang bertujuan memperbaharui pemahaman keagamaan yang masih bersifat ortodok.

Pada usia 20 tahun (1888), ia kembali ke kampungnya, dan berganti nama H. Ahmad Dahlan.<sup>20</sup> Sekembalinya daripada Makkah ini, iapun dikukuhkan menjadi *Khatib Amin*<sup>21</sup> di lingkungan kesultanan Yogyakarta. Pada tahun 1902-1904, ia menunaikan ibadah haji untuk kedua kalinya yang dilanjutkan dengan memperdalam ilmu agama kepada beberapa guru di Makkah.

Pada tahun 1912, Ahmad Dahlan mengasaskan pertubuhan Muhammadiyah untuk melaksanakan cita-cita pembaharuan Islam di bumi Nusantara. Ahmad Dahlan ingin mengadakan suatu pembaharuan dalam cara berfikir dan beramal mengikut panduan agama Islam. Ia ingin mengajak umat Islam Indonesia untuk kembali kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Pertubuhan ini bermula pada 18 November 1912. Daripada awal Ahmad Dahlan telah menyatakan bahawa Muhammadiyah bukan pertubuhan politik tetapi bersifat sosial dan bergerak di bidang agama dan pendidikan.

## 2. KH. Ibrahim<sup>22</sup>

KH. Ibrahim lahir di Kauman Yogyakarta pada 7 Mei 1874. Ia adalah putra KH. Fadil Rachmaningrat, seorang Penghulu Hakim Kesultanan Yogyakarta pada

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, 21.

<sup>20</sup> Suatu kebiasaan orang-orang Indonesia zaman dulu selepas melaksanakan Ibadah Haji, selalu mendapat nama baru sebagai pengganti nama kecilnya.

<sup>21</sup> *Khatib Amin*: Khatib terpercaya, suatu gelar yang masyhur di kalangan masyarakat Yogyakarta masa itu.

<sup>22</sup> Tim Penyusun Ensiklopedi Muhammadiyah, "Kyai Haji Ibrahim," dalam *Ensiklopedi Muhammadiyah*, (Jakarta, PT Raja Grafindo Persada, 2005), 159.

zaman Hamengkubuwono ke-VII, dan ia merupakan adik kandung kepada isteri Ahmad Dahlan. Pada kongres Muhammadiyah yang ke-14 di Yogyakarta tahun 1923, ia dikukuhkan untuk memimpin Muhammadiyah. KH. Ibrahim wafat dalam usia yang masih sangat muda, pada 13 Oktober 1932, selepas didera sakit yang lama. Di bawah kepemimpinannya, Muhammadiyah mengalami perkembangan yang sangat signifikan. Pada kongres Muhammadiyah ke-15 di Surabaya menghasilkan beberapa keputusan penting, antaranya ialah:

- a. Salat Hari Raya dilakukan di padang/tidak di Masjid kecuali hujan.
- b. Mesti menggunakan tahun Islam dalam semua penulisan surat dan seumpamanya.
- c. Muhammadiyah wajib menubuhkan Majelis *Tarjih*,<sup>23</sup> *Tanfidh*,<sup>24</sup> dan *Taftish*.<sup>25</sup> Dan lain sebaginya.

### 3. KH. Hisyam<sup>26</sup>

Ketua Pengurus Besar Muhammadiyah yang ketiga ialah KH. Hisyam. Ia dipilih dan dikukuhkan sebagai ketua Pengurus Besar Muhammadiyah dalam kongres Muhammadiyah ke-23 di Yogyakarta tahun 1934. Ia adalah murid langsung kepada KH. Ahmad Dahlan. KH. Hisyam lahir di Kauman Yogyakarta, 10 November 1883 dan wafat 20 Mei 1945. Ia memimpin Muhammadiyah hanya dalam tempoh tiga tahun. Yang paling nampak dari Hisyam ialah ketertiban administrasi dan manajemen pertubuhan pada zamannya.

---

<sup>23</sup> *Tarjih* ialah memilih salah satu yang dipandang lebih kuat daripada dua dalil yang bercanggah, dalam pertubuhan Muhammadiyah didapati Majelis *Tarjih*, ianya bertugas menimbang dan memilih dari segala permasalahan yang dipertikaikan dalam kalangan Muhammadiyah mana yang dianggap lebih kuat dan berdalil benar dari *al-Qur'an* dan *al-Hadith*.

<sup>24</sup> *Tanfidh* asal katanya dari bahasa arab: *Naffadha-yunaffidhu-tanfidhan (ism al-masdār)*, yang bererti pelaksanaan. Di dalam Muhammadiyah istilah *tanfidh* digunakan sebagai pelaksanaan bagi segala kebijakan dan keputusan hasil Musyawarah.

<sup>25</sup> *Taftish* ialah lembaga yang melakukan pemeriksaan ulang kepada hasil keputusan yang dianggap perlu.

<sup>26</sup> Tim Penyusun, *Profil 1 Abad Muhammadiyah* 18.

#### 4. KH. Mas Mansur<sup>27</sup>

Mas Mansur lahir pada hari Khamis, 25 Jun 1896 di Surabaya dan meniggal di dalam penjara 25 April 1946. Pada tahun 1921, Mas Mansur masuk pertubuhan Muhammadiyah dan menjadi ketua Muhammadiyah pada 1937-1943.

KH. Mas Mansur menyatakan pandangannya mengenai bagaimana umat Islam boleh bangkit daripada kemunduran, iaitu dengan cara kembali kepada *al-Qur'an* dan mengamalkan ayat-ayatnya serta perlu kerja sama antara kaum ulama dengan kaum terpelajar dalam membela agama Allah SWT.

#### 5. Ki Bagus Hadikusumo<sup>28</sup>

Ki Bagus Hadikusumo dilahirkan di Kampung Kauman Yogyakarta dengan nama R. Hidayat pada 11 Rabī' al-Awwal 1038H. Ia menjadi ketua Pengurus Besar Muhammadiyah selama 11 tahun (1942-1953) dan wafat pada umur 64 tahun. Antara karya tulisnya ialah: Islam Sebagai Dasar Negara dan Akhlak Pemimpin, Poestaka Hadi (1936), Poestaka Islam (1940), Poestaka Ichsan (1941), Poestaka Iman (1954).

#### 6. Buya Hamka<sup>29</sup>

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), lahir di Kampung Molek, Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia pada 17 Februari 1908 - 24 Julai 1981 adalah seorang penulis dan ulama terkenal Indonesia. Ayahnya ialah Syekh Abdul Karim bin

---

<sup>27</sup> Firdaus Syam, MA, *Amien Rais Politisi yang Merakyat & intelektual yang Shaleh* (Jakarta, Pustaka Al-Kautsar, 2003), 70.

<sup>28</sup> Siswanto Masruri, *Ki Bagus Hadikusuma; Etika dan Regenerasi Kepemimpinan* (Yogyakarta, Pilar Religia, 2005), 23.

<sup>29</sup> Pimpinan Daerah Muhammadiyah (PDM), "Biografi Pujangga & Ulama Besar: HAMKA," laman sesawang *Muhammadiyah. Or.id*, dicapai 24 Ogos 2014, <http://www.muhammadiyah.or.id/id/artikel-biografi-pujangga-ulama-besar-hamka--detail-21.html>.

Amrullah, yang dikenal sebagai Haji Rasul, yang merupakan pelopor Gerakan Islah di Minangkabau, sekembalinya dari Makkah pada tahun 1906. Beliau mendapat nama panggilan "Buya".<sup>30</sup>

Semenjak tahun 1925 beliau melibatkan diri dengan Pertubuhan Muhammadiyah dan menyertai cawangannya dan dilantik menjadi Anggota Pimpinan Pusat Muhammadiyah. Mulai tahun 1928, beliau mengetuai Cabang Muhammadiyah di Padang Panjang. Pada tahun 1929, Hamka mendirikan Pusat Latihan Pendakwah Muhammadiyah dan dua tahun kemudian beliau menjadi Konsul Muhammadiyah di Makassar.

Kemudian beliau terpilih menjadi Ketua Majlis Pimpinan Muhammadiyah di Sumatera Barat oleh Konferensi Muhammadiyah, menggantikan S.Y. Sutan Mangkuto pada tahun 1946. Ia menyusun kembali pembangunan dalam Kongres Muhammadiyah ke-31 di Yogyakarta pada tahun 1950. Pada tahun 1953, Hamka dipilih sebagai Penasihat Pimpinan Pusat Muhammadiyah.

#### 7. Buya H. Ahmad Rasyid Sutan Mansur<sup>31</sup>

Lahir di Maninjau Sumatra Barat pada Ahad Malam Isnin 27 Rabī' al-Awwal 1313H/15 Disember 1895M. Wafat pada hari Isnin 25 March 1985M/3 Rajab 1405H di Hospital Islam Jakarta dalam Usia 90 tahun. AR. Sutan Mansur memimpin Muhammadiyah periode 1953-1959 mengikuti keputusan kongres ke-32 di Purwokerto.

---

<sup>30</sup> "Buya" yang diambil daripada perkataan Arab 'Abi' atau 'Abuya' yang membawa maksud ayah atau seseorang yang amat dihormati. Daripada Wikipedia, ensiklopedia bebas, "HAMKA," laman seawang *Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*, dicapai 24 Ogos 2014, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Hamka>.

<sup>31</sup> Prof. Dr. Azyumardi Azra, M.A, dkk, "Buya Haji Ahmad Rasyid Sutan Mansur," dalam *Ensiklopedi Islam* (Jakarta, Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005), 6:227.

Selama dua periode kepemimpinannya beliau berjaya merumuskan *khittah* (perjuangan) Muhammadiyah yang mencakupi usaha: menanamkan dan mempertebal jiwa tauhid, menyempurnakan ibadah dengan khusyuk dan tawaduk, mempertinggi akhlak, memperluas ilmu pengetahuan, menggerakkan pertubuhan dengan penuh rasa tanggung jawab, memberikan contoh dan suri tauladan kepada umat, meningkatkan kualiti sumber manusia, dan mendidik kader.

8. KH. Muhammad Yunus Anis<sup>32</sup>

Lahir di Kauman 30 Mei 1903 M/3 Rabi' al-Awwal 1321H. Yunus Anis terpilih sebagai ketua PP. Muhammadiyah periode 1959-1962 pada Muktamar Muhammadiyah ke-35 di Yogyakarta. Yunus Anis juga pernah menjadi pendidik mental dan spiritual Tentara Nasional Indonesia (TNI) pada masa Panglima Besar Sudirman.

9. KH. Ahmad Badawi<sup>33</sup>

Penasehat kepada Presiden Soekarno dibidang agama (1963) ini lahir di Kauman Yogyakarta, pada 5 Februari 1902. Meninggal hari Juma'at 25 April 1969. Pada Muktamar Muhammadiyah, Badawi terpilih menjadi Ketua PP. Muhammadiyah periode 1962-1968 pada muktamar ke-36 di Bandung.

---

<sup>32</sup> Tim Penyusun Ensiklopedi Muhammadiyah, "Kyai Haji Muhammad Yunus Anis," dalam *Ensiklopedi Muhammadiyah*, 416.

<sup>33</sup> Tim Penyusun Ensiklopedi Muhammadiyah, "Kyai Haji Ahmad Badawi," dalam *Ensiklopedi Muhammadiyah*, 43.

## 10. KH. Faqih Usman<sup>34</sup>

KH. Faqih Usman lahir di Gresik, 2 March 1904 dari keluarga santri sederhana yang taat beribadah. Menjadi ketua Majlis Tarjih Muhammadiyah Jawa Timur (1932-1936). Menjelang wafatnya, beliau dikukuhkan sebagai Ketua Umum PP. Muhammadiyah pada Muktamar Muhammadiyah ke-37 tahun 1968 di Yogyakarta untuk periode 1968-1971. Namun, jawatan itu hanya sempat diemban beberapa hari, kerana kemudian ia wafat pada 3 Oktober 1968. Kemudian Muhammadiyah dilanjutkan oleh AR Fachruddin.

## 11. KH. Abdur Rozak Fachruddin<sup>35</sup>

KH. Abdur Rozak Fachruddin adalah orang yang paling lama memimpin Muhammadiyah, iaitu selama 22 tahun (1968-1990). Lahir 14 Februari 1916 di Cilacap, Yogyakarta. Wafat pada 17 March 1995. Tutur katanya selari dengan tingkah lakunya. Tak terpengaruh dengan harta dan jawatan dunia. Prioriti utamanya ialah dakwah di kalangan masyarakat bawah.

## 12. KH. Ahmad Azhar Basyir, M.A<sup>36</sup>

Lahir di Yogyakarta, 21 November 1928 dan meninggal pada 28 Jun 1994. Pada Muktamar Muhammadiyah di Yogyakarta tahun 1990-1995, ulama ini diberi amanah sebagai ketua PP. Muhammadiyah. Beliau ialah seorang pakar dalam

---

<sup>34</sup> Didin Syafruddin, *Menteri-Menteri Agama RI: Biografi Sosial Politik* (Jakarta, Indonesian-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS), Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat (PPIM), Badan Litbang Agama Departemen Agama RI, 1998), 149.

<sup>35</sup> Herry Muhammad DKK, *Tokoh-Tokoh Islam yang Berpengaruh Abad 20* (Jakarta, Gema Insani Press, 2006), 99.

<sup>36</sup> Iqbal Muhammad, “Corak Pemikiran Islam Ahmad Azhar Basyir” (Tesis Fakulti Shariah Program Pasca Sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh, 2004), 83.

bidang fiqh serta pensyarah di Universiti Gajah Mada (UGM) Yoyakarta, dalam bidang filsafat Islam.

Azhar Basyir menyatakan bahawa ijтиhad ialah sumber hukum Islam yang ketiga setelah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Pandangan ini tidak berbeza dengan pandangan Maһmūd Shaltut di Mesir<sup>37</sup> dan Harun Nasution di Indonesia. Akan tetapi pandangan Azhar Basyir ini berbeza dengan ideologi asas Muhammadiyah, yang menganggap bahawa ijтиhad bukan merupakan sumber hukum, melainkan ianya hanya sebagai metode bagi menghasilkan sebuah hukum.<sup>38</sup>

### 13. Prof. Dr. H. Muhammad Amien Rais, M.A<sup>39</sup>

Lahir pada 24 April 1944 di Kampung Kepatihan Kulon, Surakarta (Solo), Jawa tengah. Muktamar Muhammadiyah ke-43 tahun 1995 di Banda Aceh akhirnya secara aklamasi meminta kesediaannya untuk melanjutkan kepemimpinan Muhammadiyah.

Amien Rais memiliki konsep; bahawa modernism Islam sebagai suatu faham pemurnian dan pembaharuan agama Islam di Indonesia yang merupakan “*rethinking Islam*” atau pengkajian ulang pengamalan ajaran Islam tidak hanya terhad pada (*ibādah maһdah*) sahaja, melainkan juga adanya perluasan skop kepada ajaran yang berhubungkait dengan persoalan kehidupan manusia.

---

<sup>37</sup> Maһmūd Shaltut, *al-Islām ‘Aqīdah wa al-Shari‘ah* (Kaherah, Dār al-Qalam, 1966), 477, lihat juga Harun Nasution, “Ijtihad Sumber Ketiga Dalam Islam,” dalam *Ijtihad Dalam Sorotan*, ed. Jalaluddin Rahmad (t.p., t.p., t.t.), 108.

<sup>38</sup> DR. H. Fathurrahman Djamil, MA, *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah* (Jakarta, Logos Publishing House, 1995), 70.

<sup>39</sup> Firdaus Syam, *Amien Rais Politisi yang Merakyat & intelektual yang Shaleh*, 295.

14. Prof. Dr. H. Ahmad Syafi'i Maarif<sup>40</sup>

Lahir di Sumpurkudus, Sumatera Barat, 31 Mei 1935. Menjadi Ketua Umum Muhammadiyah (1999-2004). Di masa kepemimpinannya, Muhammadiyah menunjukkan komitmen keislaman dan kebangsaan yang kuat. Ia dikenal sebagai seorang tokoh dan ilmuwan yang mempunyai komitmen kebangsaan yang kuat. Sikapnya kritis, tegas, dan berwibawa. Ia tidak segan-segan mengkritik sebuah kekeliruan, meskipun yang dikritik itu adalah sahabatnya. Salah satu yang pernah dikritiknya adalah Amien Rais yang ketika itu sedang berseteru dengan Gusdur. Ia mengharapkan Amien dapat bersikap tepo seliro<sup>41</sup>: “Janganlah mengeluarkan kritikan kepada pihak lain, termasuk Gusdur, dengan perkataan-perkataan yang terlalu tajam”, kata Syafi'i.

15. Prof. Dr. H. Muhammad Sirajuddin Syamsuddin, M.A<sup>42</sup>

Lahir di Sumbawa Besar pada 31 Agustus 1958. Terpilih menjadi Ketua Umum PP. Muhammadiyah pada Muktamar ke-45 di Malang (periode 2005-sampai sekarang). Antara pemikiran Din Syamsuddin ialah bahawa Muhammadiyah sangat puritan dalam bidang aqidah dan *ibādah mahdah* tetapi sangat modern dalam masalah *muāmalah*. Jadi modernisme berdasarkan rasionaliti yang terbuka. Jika hal ini tidak difahami akan disalah tafsirkan. Umpamanya kecenderungan ortodoks. Puritanisme yang semestinya masuk masalah *ibādah mahdah*, malah memasuki permasalahan *muāmalah*.

---

<sup>40</sup> Zaenal Ali, *100 Orang Indonesia Paling Berpengaruh* (Yogyakarta, Penerbit Narasi, 2008), 35.

<sup>41</sup> Sikap memahami perasaan orang lain untuk boleh buat yang sepatutnya.

<sup>42</sup> Din Syamsuddin, *Suara Amien Rais Suara Rakyat* (Jakarta, Gema Insani Press, 1999), 117.

#### **1.1.4. Pembaharuan dan Pemurnian Islam Oleh Muhammadiyah Di Indonesia**

Wujudnya perubahan sosial dalam masyarakat, sangat mempengaruhi cara berfikir dan sudut pandang dalam masyarakat itu pula. Semakin laju tingkat perubahan semakin laju pula cara berfikir sesuatu komuniti, dan semakin terbuka untuk menerima sebarang hal baru serta terkadang meninggalkan hal lama yang sudah menjadi sebuah tradisi sesuatu pemikiran.

Sikap menerima perubahan inilah yang dimiliki oleh Muhammadiyah dalam menerima kemajuan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi. Demikian pula dalam hal yang berkaitan dengan keilmuan Islam. Muhammadiyah sentiasa mengambilkira pelbagai hal kontemporeri yang timbul dalam masyarakat bagi memberikan solusi sepertimana keperluan umat. Kegiatan inilah yang disebut dengan nama pembaharuan (*tajdīd*) yang di dalamnya mesti ada sebuah *ijtihād*.<sup>43</sup>

Ciri yang paling utama Muhammadiyah ialah pembaharuan (*tajdīd*). *Tajdīd* dalam pertubuhan ini mempunyai dua sisi, iaitu: pertama *tajdīd* dari sudut purifikasi atau *tasfiyah* dan kedua *tajdīd* dari sudut modernis. *Tajdīd* dari sudut purifikasi atau pemurnian sangat berhubungkait dengan akidah dan ibadah, dan dalam hal ini bermakna mengembalikannya kepada ketentuan asal yang bersesuaian dengan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Sedangkan *tajdīd* yang kedua (modernis) bermakna menyelesaikan seluruh permasalahan yang timbul di kalangan umat yang bersifat semasa dan memungkinkan untuk dipahami oleh analisis sejauh mencapai matlamat kemaslahatan dan sentiasa selari dengan nas *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.

---

<sup>43</sup> *Ijtihād* ialah suatu usaha yang sungguh-sungguh, bagi mendapatkan hukum atas perkara yang tidak dibahas dalam *al-Qur'an* ataupun *al-Sunnah* dengan menggunakan pertimbangan dan kaedah Usul Fiqh yang sediaada.

Hal ini pula selari dengan apa yang pernah dikatakan oleh Shaikh al-Albāniy bahawa yang dimaksud dengan *tasfiyah* (purifikasi) ialah pemurnian Islam dari segala kemusyrikan, *bid'ah*, dan penyimpangan yang disisipkan ke dalamnya dengan ajaran Islam yang murni.<sup>44</sup>

Manakala dalam konsep modernis Prof. Dr. A. Mukti Ali<sup>45</sup> mengatakan; bahawa belajar Islam, atau agama apapun, mestilah diarahkan pada usaha bagaimana sebuah tradisi keagamaan itu boleh menjawab masalah-masalah masyarakat modern. Atas dasar ini ia menegaskan perlunya memperkenalkan pendekatan yang empiris tentang Islam sebagai jalan untuk menafsirkan ulang khazanah pemikiran Islam dalam konteks moderniti. Pendekatan Islam semisal ini (yang selama ini diabaikan oleh metode belajar tradisionil seperti pondok) akan membawa Islam dan umatnya boleh menerima, bahkan bersikap simpatik, terhadap wacana modernism. Misalnya, kebebasan intelektual, konsep kenegaraan, hak-hak wanita dan perbincangan antar umat beragama.<sup>46</sup>

Oleh itu, pembaharuan yang dijalankan oleh Muhammadiyah, diharapkan tidak hanya terhad pada *'ibādah mahdah* sahaja. Melainkan juga dalam hal-hal yang berhubungkait dengan masalah sosial, seperti mana akhlak mulia, sikap menolak kezaliman, rendah hati dan membela keadilan. Inilah perkara-perkara yang bersifat inovatif dalam pemikiran Muhammadiyah yang boleh membangkitkan kesempurnaan pemikiran pembaharuan dalam tubuh Muhammadiyah.

---

<sup>44</sup> Shaikh Dr. Sa'īd 'Abd al-Azīm, *Ibnu Taimiyah; Pembaruan Salafi & dakwah reformasi* (Jakarta, Pustaka Al-kautsar, 2005) 138.

<sup>45</sup> Bekas Menteri pada Kementerian Agama Republik Indonesia (1971-1978).

<sup>46</sup> Ali Munhanif, *Menteri-Menteri Agama RI: Biografi Sosial Politik* (Jakarta, Indonesian Netherlands Cooperation in Islamic Studies-Pusat Pengkajian Islam Masyarakat-Balitbang Departemen Agama RI, 1998), 282.

Perlu untuk dipahami bahawa yang di-*tajdīd* bukanlah Islam, kerana Islam itu sudah sempurna. Melainkan yang perlu di-*tajdīd* dan diperbaharui ialah pemahaman, interaksi, amaliyah dan semua hal-hal yang berhubungkait dengan sikap umat Islam.<sup>47</sup>

Dalam masalah *tajdīd* berkenaan, Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa hukum itu ada dua macam, iaitu; *pertama*, hukum yang tetap dan tidak akan pernah berubah, sama ada disebabkan oleh masa, tempat atau *ijtihād*, sepetimana wajibnya perkara yang wajib, haramnya perkara yang haram dan *hudūd* yang sudah ditetapkan terhadap masalah-masalah jenayah. Ini semua tidak memungkinkan untuk berubah. *kedua*, hukum yang dapat berubah kerana tuntutan *maṣlaḥah*, samaada yang berhubungkait dengan masa, tempat atau kondisi. Contoh; jenis dan kadar *ta’zīr* (hukuman pengasingan bagi yang melanggar hukum). Dalam hal ini Allah memberikan kemudahan bersesuaian dengan *maṣlaḥah*.<sup>48</sup>

Muhammadiyah dengan konsep *tajdīd*-nya, memiliki pandangan yang berbeza dengan ulama-ulama yang lain. Iaitu dalam mengikuti dan memahami pendapat mazhab. Muhammadiyah merupakan suatu pertubuhan yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab. Walaupun dalam mengkaji sebuah hukum Muhammadiyah juga melihat kepada pemikiran-pemikiran dan metodologi *ijtihād* yang dihasilkan oleh mazhab.

*Al-Qur'an* dan *al-Sunnah* di kalangan Muhammadiyah merupakan sumber hukum yang mutlak. Sedangkan *ijmā'* dan *qiyās* ialah merupakan alat bagi menghasilkan sesuatu hukum. Dengan kata lain *ijmā'* dan *qiyās* itu pula mesti merujuk kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.

<sup>47</sup> HM. Syamlan , “Muhammadiyah: Gerakan Tajid Saatnya Ditajdid,” dalam *Refleksi Satu Abad Muhammadiyah* (Yogyakarta, Pustaka Pelajar Offset, 2010), 108.

<sup>48</sup> Dr. Yūsuf al-Qardāwi, *Karakteristik Islam; Kajian Analitik* (Surabaya, Indonesia, Risalah Gusti, 2001), 247. Lihat juga “Ighāthat al-Lahfān” j:346-9.

Ciri-ciri *tajdīd* Muhammadiyah ini nampaknya memiliki kedekatan dengan metode pembaharuan yang dijalankan oleh Ibn Taimiyah, yang berpegang kepada empat unsur, iaitu:<sup>49</sup>

1. Tidak percaya kepada akal secara mutlak.
2. Tidak mengikuti seseorang kerana Nama, Kesohoran, dan Jawatannya.
3. Dasar *shari'ah* ialah *al-Qur'an* yang sudah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW, dengan *al-Sunnah* Nya.
4. Tidak bersikap fanatism dalam pemikiran dan mengelakkan sikap berlebihan dan *jumād*.

---

<sup>49</sup> Shaikh Dr. Sa'īd 'Abd al-Azīm, *Ibnu Taimiyah*, 37.

## **1.2. Sejarah ditubuhkannya *Majlis Tarjih* Muhammadiyah**

### **1.2.1. Asal usul ditubuhkan *Majlis Tarjih***

*Majlis Tarjih* ditubuhkan atas dasar keputusan kongres Muhammadiyah ke-XVI pada tahun 1927 di Pekalongan, atas usul dari KH. Mas Mansyur<sup>50</sup>. *Majlis Tarjih* ini berusaha untuk mengembalikan suatu persoalan kepada sumber asalnya, yaitu *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, samaada masalah itu sudah ada hukumnya dan berjalan di masyarakat tetapi masih dipertikaikan di kalangan umat Islam, ataupun yang merupakan masalah-masalah baru, yang daripada awal memang belum didapati ketentuan hukumnya.

Pada awal munculnya *Majlis Tarjih* ini hanya menyelesaikan masalah-masalah yang bersifat khilafiyah yang muncul di kalangan ahli Muhammadiyah. Akan tetapi setelah mengalami perkembangan *Majlis Tarjih* ini mulai menyelesaikan masalah-masalah baru yang timbul di kalangan umat serta bersifat kontemporeri dan berhubungkait dengan hukum hakam.

Dalam hal menyelesaikan masalah hukum, *Majlis Tarjih* menjalankan *ijtihād* bagi menghasilkan sebuah fatwa yang tepat dan bersesuaian dengan dalil-dalil yang ada. *Ijtihād* yang dilaksanakan ialah ke atas hal-hal baru selain daripada ‘ibādah mahdah dan tidak didapati dalam dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. *Ijtihād* yang dilaksanakan oleh *Majlis Tarjih* disebut *ijtihād jamā'iyy* iaitu *ijtihād* bersama.

Sesuai dengan Surat Keputusan PP. Muhammadiyah No. 1 Tahun 1961 yang disebutkan dalam *Suara Muhammadiyah* No. 6/1355 Tahun 1936 bahawa *Majlis Tarjih* ditubuhkan untuk menimbang dan memilih semua hal yang dipertikaikan itu yang dianggap kuat dan berdalil benar daripada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. *Majlis Tarjih* ini memulai dari

---

<sup>50</sup> H. A. Mukti Ali, *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam*, 42.

merundingkan sampai kepada menetapkan dapatan kajian dan pertimbangan pada dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.<sup>51</sup>

Mukti Ali menyebutkan ada beberapa prinsip yang menjadi asas *tarjih* Muhammadiyah, iaitu;<sup>52</sup> (1) Prinsip ke-*nisbi-an* akal, (2) Prinsip tidak berorientasi kepada orang ataupun mazhab, dan (3) Prinsip keterbukaan dan toleransi.

*Tarjih* yang dilaksanakan oleh Muhammadiyah ini juga merupakan sebuah ijтиhad walaupun sifatnya sangat sederhana. Mengikuti pendapat Muhammad Abu Zahrah<sup>53</sup> yang membagi ijтиhad menurut tingkatan-tingkatannya secara berurutan dengan syarat-syarat tertentu: (a) ijтиhad *muftlaq*, (b) ijтиhad *muntasib*, (c) ijтиhad dalam mazhab, dan (d) ijтиhad *tarjihiy*. *Tarjih* ialah tingkat ijтиhad paling rendah.

Oleh kerana itu Muhammadiyah dikehendaki untuk sentiasa memiliki kemampuan yang lebih, dalam bidang agama secara amnya dan bahasa arab pada khasnya, kerana sebahagian besar rujukan agama itu kita dapat dalam Bahasa Arab. Selanjutnya Muhammadiyah juga dikehendaki untuk sentiasa mengabdi di masyarakat, kerana hal yang demikian akan mempengaruhi dalam mewariskan ilmu agama yang sebenar kepada masyarakat luas.

---

<sup>51</sup> Ahmad Farhan, “Metode ijтиhad Majlis Tarjih Muhammadiyah: Sebuah Analisis Deskriptif” dalam *Refleksi Satu Abad Muhammadiyah*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar Offset, 2010), 139.

<sup>52</sup> H. A. Mukti Ali, *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam*, 42.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 45.

### **1.2.2. Kedudukan, Tugas dan Fungsi Majlis Tarjih Muhammadiyah**

*Majlis Tarjih* memiliki kedudukan yang istimewa di dalam Pertubuhan Muhammadiyah, kerana selain berfungsi sebagai Pembantu Pimpinan Pertubuhan, mereka juga bertugas memberikan bimbingan keagamaan dan pemikiran di kalangan umat Islam Indonesia pada umumnya dan ahli Pertubuhan Muhammadiyah khasnya.

Adapun tugas-tugas pokok Majlis *Tarjih* Muhammadiyah, disebutkan pada pasal 2 iaitu:<sup>54</sup>

1. Menyelidiki dan memahami ilmu agama Islam untuk memperolehi kemurnianya.
2. Menyusun tuntunan akidah, akhlak, ibadah dan *mu'āmalah dunyāwiyyah*.
3. Memberi fatwa dan nasehat, baik atas permintaan maupun *tarjih* sendiri memandang perlu.
4. Menyalurkan perbezaan pendapat dalam bidang keagamaan ke arah yang lebih *maṣlahah*.
5. Meningkatkan profesionaliti para ulama.
6. Hal-hal lain dalam keagamaan yang diserahkan oleh pimpinan pertubuhan.

Fungsi dari *Majlis Tarjih* ini ialah mengeluarkan fatwa atau memastikan hukum tentang masalah-masalah tertentu. Masalah itu tidak hanya berkaitan pada bidang agama dalam erti sempit, melainkan mungkin juga pada masalah yang dalam bidang-bidang lain, akan tetapi pandangan apapun mestilah diasaskan kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, yang dalam proses pengambilan hukumnya merujuk kepada Ilmu Usul Fiqh. *Majlis Tarjih* berusaha untuk mengembalikan sesuatu permasalahan kepada sumbernya yang asal, iaitu

---

<sup>54</sup> Ahmad Farhan, “Metode ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah,” 140.

*al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, samaada perkara yang sudah ada hukumnya dan berjalan di masyarakat tetapi masih dipertikaikan di kalangan umat Islam, ataupun yang merupakan perkara baru, yang belum ada ketentuan hukumnya.

Sumbangan-sumbangan *Majlis Tarjih* ialah:

1. Memformulasikan hukum agama agar sentiasa selari dengan tuntutan zaman.

Dalam *Majlis Tarjih*, sebuah hukum tidak sahaja mesti berdalil agama yang *qat'iy*, namun juga mesti selari dengan kemajuan zaman. Sehingga hukum bukan setakat menjawab persoalan umat, akan tetapi ianya menjadi instrumen pembaharuan sosial di masyarakat. Hal ini merupakan satu pembaharuan *Majlis Tarjih*. Fatwa *Majlis Tarjih* misalnya tentang rokok. Memang banyak kalangan mempertikaikan status haram yang dikeluarkan *Majlis Tarjih*. Namun hal ini lahir berdasarkan sebuah pertimbangan yang dihadapi umat Islam. Problem kesihatan dan kemiskinan yang disebabkan dari menghisap rokok.<sup>55</sup>

2. Penyusunan *Tafsir al-Tanwir* Muhammadiyah, melanjutkan program periode 2005-2010, dilaksanakan oleh Divisi Kajian *al-Qur'an* dan *al-Hadith*, masa ini telah siap naskah tafsir surat al-Baqarah ayat 1 s/d 29.<sup>56</sup>
3. Kajian *Hisāb* Muhammadiyah, dilaksanakan oleh Divisi *Hisāb*, Ilmu pengetahuan dan Teknologi dalam rangka sosialisasi Pedoman *Hisāb* Muhammadiyah.<sup>57</sup>

---

<sup>55</sup> Muhammad Rofiq, "Peran dan Tantangan Majlis *Tarjih* dan *Tajdīd* Muhammadiyah", laman sesawang *Muhammadiyah.or.id*, dicapai 8 November 2012, <http://www.muhammadiyah.or.id/id/news-106-detail-peran-dan-tantangan-majelis-tarjih-dan-tajdid-muhammadiyah-di-era-globalisasi.html>.

<sup>56</sup> Majlis *Tarjih* Muhammadiyah, "Program Kerja", laman sesawang *Muhammadiyah.or.id*, dicapai 8 November 2012, <http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-8-sdet-program-kerja.html>.

<sup>57</sup> Majlis *Tarjih* Muhammadiyah, "Program Kerja", laman sesawang *Muhammadiyah.or.id*, dicapai 8 November 2012, <http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-8-sdet-program-kerja.html>.

4. Penyusunan Fatwa Agama, dilaksanakan oleh Divisi Fatwa dan Pengembangan Tuntunan, setiap hari Juma'at dan diterbitkan di rubrik Tanya Jawab Agama Majalah Suara Muhammadiyah dan dapat diakses melalui website [www.suara-muhammadiyah.com](http://www.suara-muhammadiyah.com).<sup>58</sup>
5. Mengajurkan dilaksanakan program *short course* kepada belia-belia Muhammadiyah bagi membekali mereka dalam bidang ilmu agama yang memadai. Bengkel ini juga memberikan ilmu kepada para penyerta agar dapat memahami kitab-kitab *turāth*.

### **1.2.3. *Manhāj Majlis Tarjīh* Muhammadiyah**

Semenjak tahun 1935 usaha bagi merumuskan *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah telah dimulakan, dengan surat edaran daripada Pimpinan Pusat Muhammadiyah. Langkah pertama yang dijalankan ialah dengan kajian “*Mabādi'u al-Khamsah*”<sup>59</sup> yang merupakan format awal bagi Muhammadiyah dalam menyelesaikan permasalahan agama.

Masalah Lima tersebut meliputi: *pertama*, Pemahaman terhadap Agama Islam (*al-Dīn*), *kedua*, Pemahaman tentang Dunia (*al-Dunyā*’), *ketiga*, Pemahaman tentang *al-Ibādah*, *keempat*, Pemahaman tentang *Sabilillah*, *kelima*, Pemahaman tentang *Qiyās*, (*qiyās* ini belum dirincikan). Kerana Masalah Lima tersebut, masih bersifat umum, maka *Majlis Tarjīh* terus berupaya untuk merumuskan *Manhāj* yang akan dijadikan pegangan didalam menentukan hukum. Pada tahun 1985-1990, yaitu tepatnya pada tahun

---

<sup>58</sup> Majlis *Tarjīh* Muhammadiyah, “Program Kerja”, laman sesawang *Muhammadiyah.or.id*, dicapai 8 November 2012, <http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-8-sdet-program-kerja.html>.

<sup>59</sup> Masalah Lima

1986, setelah Muktamar Muhammadiyah ke-41 di Solo, *Majlis Tarjih* baru berjaya merumuskan 16 point Pokok-Pokok *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah.<sup>60</sup>

*Manhāj Tarjīh* yang menjadi pegangan bagi Muhammadiyah ialah *Manhāj Uṣūliy*, iaitu Muhammadiyah banyak merujuk kepada kaedah-kaedah usul dalam perbahasan yang menyangkut tentang hukum. Hal ini dapat dilihat pada pelbagai tulisan yang pernah dipublish oleh Muhammadiyah seumpama, Himpunan Putusan Tarjih Muhammadiyah, Majalah Muhammadiyah, dan lainnya. Meskipun demikian terkadang masih didapati kekurangan-kekurangan daripada Muhammadiyah dalam hal mengaplikasikan kaedah-kaedah berkenaan untuk putusan hukum sepertimana beberapa contoh yang akan pengkaji bahaskan pada Bab IV.

#### **1.2.4. Pengetua-pengetua *Majlis Tarjih* Muhammadiyah**

Semenjak ditubuhkannya pada tahun 1927 M, *Majlis Tarjih* telah dipimpin oleh 9 Tokoh Muhammadiyah, iaitu:

1. KH. Mas Mansur (1928-1936)
2. Ki Bagus Hadikoesoemo (1936-1942)
3. KH. Ahmad Badawi (1942-1950)
4. K. R.H. Hadjid (1950-1959)
5. K. R.T. Wardan Diponingrat (1959-1985)
6. KH. Ahmad Azhar Basyir, M.A. (1985-1990)
7. Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman (1990-1995)
8. Prof. Dr. H. Amin Abdullah (1995-2000)
9. Prof. Dr. H. Syamsul Anwar, M.A. (2000-sekarang)

---

<sup>60</sup> Pokok-pokok *Manhāj Majlis Tarjih* Muhammadiyah akan pengkaji jelaskan secara rinci pada Bab III.

Tokoh-tokoh inilah yang telah berusaha menjalankan kosep-konsep *tarjīh* bagi mencapai matlamat yang dikehendaki oleh pertubuhan dan juga umat Islam Indonesia. Dari pelbagai latar belakang kepakaran masing-masing, mereka memimpin *Majlis Tarjīh* ini dan berusaha kuat dalam meyelesaikan masalah-masalah hukum yang dihadapi oleh umat.

Kesimpulan yang boleh didapati melalui perbahasan di atas, samaada dari awal mula diasaskannya ataupun daripada munculnya *Majlis Tarjīh* serta sumbangansumbangannya, ialah bahawa Muhammadiyah bukanlah sebuah agama baru dan bukan pula sebuah Mazhab dalam Fiqh Islam. Muhammadiyah ialah sebuah pertubuhan yang bersifat sosial keagamaan, yang telah berusaha untuk memberikan masukan-masukan yang berhubungkait dengan masalah semasa dalam Khazanah Keilmuan Islam. Demikian pula *Majlis Tarjīh* bukanlah mazhab baru dalam sejarah perkembangan Islam, melainkan ianya merupakan suatu lembaga di bawah pertubuhan Muhammadiyah yang menjadi pelaksana bagi terwujudnya fatwa-fatwa yang diperlukan oleh masyarakat, yang fatwa ini adalah dihasilkan dengan cara *ijtihād jamā'iy* dengan berdalikan kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* serta kaedah-kaedah yang muktabar. Walaupun dalam perjalannya pada Muhammadiyah juga didapati adanya kekurangan, akan tetapi ianya selalu terbuka terhadap sebarang kritikan dari pelbagai pihak dan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik bagi Islam.